

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NASIONAL

6,480 jalani latihan siswazah perubatan

Kuala Lumpur: Seramai 6,480 graduan perubatan sudah mendapat tempat bagi menjalani latihan siswazah perubatan, setakat 31 Disember lalu.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata itu sebahagian daripada jumlah penempatan keseluruhan yang disediakan 12,198.

Katanya, bagi memastikan semua tempat diisi, Kementerian Kesihatan (KKM) akan membuat pengambilan kontrak pada tahun ini.

"Pada masa ini, sebanyak 12,198 slot latihan siswazah perubatan disediakan. Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 6,480 da-

ripada slot ini telah diisi dan bakinya akan diisi menerusi urusan pengambilan kontrak pada tahun 2024," katanya dalam jawapan bertulis Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Yeo Bee Yin (PH-Puchong) yang meminta KKM memperinci jumlah graduan perubatan yang sudah menjalani latihan siswazah di kemudahan kementerian itu.

Dr Dzulkefly turut berkata, daripada sejumlah 6,480 graduan terbabit, 6,082 orang ditempatkan di hospital KKM, manakala 398 lagi di tiga hospital pengajar universiti awam.

Setakat 31 Disember 2023, sebanyak 6,480 daripada slot ini telah diisi dan bakinya akan diisi menerusi urusan pengambilan kontrak pada tahun 2024.



Dr Dzulkefly
Ahmad,
Menteri
Kesihatan

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : NEGARA



CHIN KEAT CHYUN (dua dari kiri) bersama Dr. Stacey (dua dari kanan) memegang plakard sebagai simbolik kerjasama strategik yang dimeteral.



DR. DZULKEFLY (tiga dari kiri) diberi penerangan mengenai kerjasama strategik yang dimeteral antara KPJ Healthcare dengan Mayo Clinic.

Pacu kecemerlangan, tingkat piawaian baharu dalam industri penjagaan kesihatan

Kerjasama KPJ Healthcare, Mayo Clinic

Oleh FARID AHMAD TARMIZI

DALAM usaha meneroka pendekatan inovatif dalam industri penjagaan kesihatan, KPJ Healthcare Berhad (KPJ Healthcare) telah memeterai kerjasama strategik dengan Mayo Clinic yang merupakan pusat perubatan terkemuka di dunia.

Melalui kerjasama itu, KPJ Healthcare yang juga penyedia penjagaan kesihatan swasta terbesar di Malaysia, telah melancarkan satu detik bersejarah setelah KPJ Damansara Specialist Hospital (KPJ DSH) dan Damansara Specialist Hospital 2 (DSH 2) menjadi rangkaian hospital pertama di negara ini yang disenaraikan sebagai ahli Mayo Clinic Care Network.

Langkah yang diambil itu jelas menunjukkan komitmen KPJ Healthcare untuk memanfaatkan kepakaran di peringkat global bagi memacu kecemerlangan perubatan dan inovasi penjagaan pesakit.

Melaluinya, ia akan menetapkan piawaian baharu dalam landskap sektor penjagaan kesihatan di negara ini.

Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyun berkata, kerjasama itu mencatat sebuah lagi detik bersejarah bagi KPJ Healthcare apabila diiktiraf sebagai penyedia penjagaan kesihatan pertama dan satu-satunya di Malaysia yang menjadi ahli Mayo Clinic Care Network, melalui dua rangkaian hospital mereka iaitu KPJ DSH dan DSH 2.

Menurutnya, pencapaian itu merupakan satu anjakan besar bagi kedua hospital tersebut dalam menerajui kecemerlangan perubatan kerana syarikat sen-



DR. DZULKEFLY (tengah) bersama Chin Keat Chyun (tiga dari kiri) dan Dr. Stacey Rizza (tiga dari kanan) bergambar bersama penerima keahlian Mayo Clinic di Kuala Lumpur baru-baru ini.

tiasa berusaha untuk meneroka pendekatan yang inovatif demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pesakit.

"KPJ Healthcare berhasrat untuk memanfaatkan pengalaman, sumber dan amalan terbaik Mayo Clinic dalam meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengamal perubatan kami sendiri.

"Kami yakin bahawa strategi ini bukan sahaja hanya akan meningkatkan hasil dan kualiti rawatan pesakit seiring dengan slogan *Care for Life* kami, bahkan turut menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis pemeteraian kerjasama strategik di antara KPJ Healthcare dengan Mayo Clinic di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Majlis pelancaran telah disempurnakan oleh Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad.

Turut hadir dalam majlis itu, Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim; Pengarah Perubatan Eksekutif Mayo Clinic Bahagian Amalan Antarabangsa dan Asia Pasifik, Dr. Stacey Rizza dan Pengerusi KPJ Healthcare, Datuk Md. Arif Mahmood.

Chin menerangkan, melalui keahlian itu, doktor di kedua-dua hospital akan mendapat akses daripada Mayo Clinic untuk pendidikan, penyelidikan, pengetahuan operasi dan kepakaran.

"Ini termasuk peluang untuk perundingan langsung dengan pakar perubatan dan akses kepada penyelidikan, diagnostik dan sumber rawatan terkini daripada Mayo Clinic," jelasnya.

Sementara itu, keahlian dalam Mayo Clinic Care Network memberikan akses penuh kepada

KPJ DSH dan DSH 2 untuk memanfaatkan sumber klinikal dan perkhidmatan Mayo Clinic yang berteknologi tinggi, termasuklah penjagaan perubatan dan pembangunan profesional seperti Ask MayoExpert.

Ia merupakan sistem komprehensif yang menawarkan maklumat klinikal tentang pelbagai kondisi perubatan termasuk protokol perubatan, cadangan rawatan dan rujukan perubatan.

Pangkalan data tersebut boleh diakses pada setiap masa untuk semua jenis perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Akses lain termasuklah eBoards iaitu persidangan video interaktif secara langsung yang membolehkan pasukan perubatan di KPJ DSH dan DSH 2 membuat semakan dan membincangkan kes-kes kompleks dengan barisan panel dan pakar perubatan dari Mayo

Clinic Care Network.

Selain itu, pengamal perubatan profesional di KPJ DSH dan DSH 2 juga turut berpeluang untuk menggunakan bahan material berkaitan pendidikan tentang pesakit di Mayo Clinic dan terlibat dalam pembangunan profesional serta pendidikan perubatan berterusan, sekaligus meningkatkan kualiti penjagaan dan perkhidmatan yang diberikan.

Sementara itu, Dr. Stacey menjelaskan, pihaknya amat berbesar hati mengalu-alukan kehadiran KPJ DSH dan DSH 2 sebagai ahli Mayo Clinic Care Network.

"Organisasi kami turut berkongsi komitmen yang sama dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti yang memberi tumpuan khusus kepada setiap pesakit.

"Kami tidak sabar untuk bekerjasama dengan KPJ Healthcare dalam memperkasakan perkhidmatan penjagaan kesihatan," katanya.

Dalam pada itu, mengulas tentang kerjasama itu, Dr. Dzulkefly berkata, kerjasama KPJ Healthcare dan Mayo Clinic adalah sesuatu yang sangat memberikan lonjakan kepada prestasi sektor kesihatan.

"Amalan terbaik, inovasi, teknologi dan kepakaran latihan sumber manusia, kesemuanya akan dapat digarap melalui kerjasama dengan Mayo Clinic.

"Pilihan KPJ Healthcare untuk terus mendapatkan gandingan ini adalah sangat bijak dan meletakkan mereka dalam liganya yang tersendiri, kita di Malaysia akan mendapat limpahan kebaikan dan saya juga berharap ia dapat memberikan lonjakan yang amat penting untuk pelancongan kesihatan di Malaysia," jelasnya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 7
RUANGAN : DALAM NEGERI



DR. Stacey Rizza (dua kanan) menyerahkan plak simbolik keahlian Mayo Clinic kepada Ketua Pegawai Eksekutif KPJ Damansara, Sharian Hussain (tiga kiri) pada majlis memeterai kolaborasi strategik antara KPJ Healthcare Berhad dengan Mayo Clinic. - UTUSAN/FARIZ RUSADIO

DZULKEFLY Ahmad (tiga kanan) diberi penerangan pada majlis memeterai kolaborasi strategik antara KPJ Healthcare Berhad dengan Mayo Clinic di Damansara Specialist Hospital 2, Kuala Lumpur baru-baru ini.

KPJ Healthcare Berhad, Mayo Clinic terokai kerjasama strategik

Oleh JUANI MUNIR

ABU BAKAR

juani.bakar@mediamula.com.my

PETALING JAYA: Malaysia mengorak langkah ke arah sistem sektor penjagaan kesihatan yang berkualiti di negara ini menerusi kerjasama strategik antara KPJ Healthcare Berhad dengan Mayo Clinic, yang dinobatkan hospital terbaik di dunia pada 2023 dari Amerika Syarikat (AS).

Menerusi kerjasama tersebut, KPJ Healthcare melalui dua hospital pakar, Hospital Pakar KPJ Damansara (KPJ DSH) dan Hospital Pakar Damansara 2 (DSH2) melakar detik bersejarah sebagai rangkaian hospital pertama dan satu-satunya di Malaysia yang disenaraikan sebagai ahli Mayo Clinic Care Network.

Kesihatan dalam Mayo Clinic Care Network memberikan akses penuh kepada KPJ DSH dan DSH2 untuk memanfaatkan sumber klinikal dan perkhidmatan Mayo Clinic yang berteknologi tinggi, termasuklah penjagaan perubatan dan pembangunan profesional.

Usaha itu jelas menunjukkan komitmen KPJ Healthcare untuk memanfaatkan kepakaran di peringkat global bagi memacu kecemerlangan perubatan dan inovasi penjagaan pesakit, sekali gus menetapkan piawai baru dalam landskap sektor penjagaan



DZULKEFLY AHMAD

kesihatan di negara ini.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, kerjasama itu menjadi pemangkin kepada KPJ Healthcare merintis paradigma baharu dalam penjagaan pesakit, penyelidikan perubatan dan penyampaian penjagaan kesihatan.

"KPJ Healthcare bukan sahaja mempertingkatkan proses sedia ada tetapi melihat penyelesaian baharu untuk menampung keperluan sistem penjagaan ini."

"Usaha antara KPJ Healthcare dan Mayo Clinic ini sekali gus memberi impak positif untuk membentuk pengkongsian awam dan swasta pada masa hadapan," katanya pada majlis pemeteraian kerjasama strategik di antara KPJ

Healthcare dengan Mayo Clinic.

Yang turut hadir, Presiden dan Ketua Eksekutif Johor Corporation (JCorp), Datuk Syed Mohamed Syed Ibrahim; Pengarah Perubatan Eksekutif Mayo Clinic Bahagian Amalan Antarabangsa dan Asia Pasifik, Dr. Stacey Rizza dan Pengerusi KPJ Healthcare, Datuk Md. Arif Mahmood.

Presiden dan Pengarah Urusan KPJ Healthcare, Chin Keat Chyuan berkata, kerjasama itu jelas menunjukkan komitmen kumpulan tersebut untuk memanfaatkan kepakaran di peringkat global bagi memacu kecemerlangan perubatan dan inovasi penjagaan pesakit, sekali gus menetapkan piawai baharu dalam landskap sektor penjagaan kesihatan di negara ini.

Katanya, pencapaian itu merupakan satu anjakan besar bagi KPJ Healthcare dalam menerajui kecemerlangan perubatan kerana sentiasa berusaha untuk meneroka pendekatan yang inovatif demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada para pesakit.

"KPJ Healthcare berhasrat untuk memanfaatkan pengalaman, sumber dan amalan terbaik Mayo Clinic dalam meningkatkan kepakaran dan kemahiran pengamal perubatan kami sendiri. Kami yakin strategi ini bukan sahaja akan meningkatkan hasil

dan kualiti rawatan pesakit seiring dengan slogan 'Care for Life' kami."

"Bahkan ini turut menyumbang kepada pembangunan negara. Dalam usaha meningkatkan standard piawai perkhidmatan yang ditawarkan, kami juga secara tidak langsung merangsang kemajuan yang positif dalam industri penjagaan kesihatan di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Rizza berkata, pihaknya amat berbesar hati mengalu-alukan KPJ DSH dan DSH2 sebagai ahli Mayo Clinic Care Network.

"Organisasi kami turut berkongsi komitmen yang sama dalam memberikan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti yang memberi tumpuan khusus kepada setiap pesakit."

"Kami tidak sabar untuk bekerjasama dengan KPJ Healthcare dalam memperkasakan perkhidmatan penjagaan kesihatan," katanya.

Sebagai ahli Mayo Clinic Care Network, KPJ DSH dan DSH2 telah mendapat akses kepada penjagaan perubatan dan pembangunan profesional seperti:

ASKMAYOEXPERT

Sistem komprehensif yang menawarkan maklumat klinikal tentang pelbagai kondisi perubatan termasuk protokol perubatan,

cadangan rawatan dan rujukan perubatan. Pangkalan data tersebut boleh diakses pada setiap masa untuk semua jenis perkhidmatan penjagaan kesihatan.

EBOARDS

Persidangan video interaktif secara langsung yang membolehkan pasukan perubatan di KPJ DSH dan DSH2 untuk membuat semakan dan membincangkan kes-kes kompleks dengan barisan panel dan pakar perubatan dari Mayo Clinic Care Network.

HEALTH CARE CONSULTING

KPJ DSH dan DSH2 mempunyai akses kepada pengalaman, pengetahuan dan kepakaran Mayo Clinic yang luas untuk mencapai objektif klinikal, operasi dan matlamat perniagaan.

Selain itu, pengamal perubatan profesional di KPJ DSH dan DSH2 juga berpeluang untuk menggunakan bahan material berkaitan pendidikan tentang pesakit di Mayo Clinic dan terlibat dalam pembangunan profesional serta pendidikan perubatan berterusan, sekali gus meningkatkan kualiti penjagaan dan perkhidmatan yang diberikan.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 19
RUANGAN : FORUM

Utusan Malaysia
KHAMIS • 7 MAC 2024

19



RANG Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 dengan undang-undang generasi penamat merokok (GEG) perlu dikembalikan semula dalam mengawal generasi muda yang 'gila' menghisap vape dan rokok.

Kembalikan GEG dalam Rang Undang-Undang Tembakau

SAUDARA PENGARANG,

PERSATUAN Pengguna Pulau Pinang (CAP) menggesa kerajaan supaya mengawal dengan lebih ketat promosi dan penjualan vape dan cecair vape dengan segera memandangkan generasi muda baharu perokok dan penghisap vape diwujudkan sejak Rang Undang-Undang (RUU) Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2023 berkuatkuasa pada November 2023.

Kami amat kecewa kerana kerajaan dan penggubal dasar hanya menyerahkan peluang untuk melindungi kanak-kanak dengan tidak menggunakan Generasi Penamat (GEG) secara keseluruhan.

Kini tanpa pemantauan dan dengan pelaksanaan undang-undang yang lemah, cecair vape boleh dibeli dengan mudah sama ada dari kedai atau dalam talian. Jika kanak-kanak sekolah boleh mempunyai akses kepada peranti vape, ini menunjukkan bahawa RUU itu tidak berkesan.

Sejak RUU itu diluluskan, kami mendapati produk vape lebih mudah diakses. Terdapat lebih banyak kedai runcit vape yang menjual pelbagai jenis perisa cecair vape dalam pembungkusan menarik.

Kami menggesa kerajaan supaya mempertimbangkan dengan lebih serius untuk mengembalikan semula nikotin ke dalam Akta Racun.

Satu artikel baru-baru ini mendakwa bahawa nikotin bukanlah penyebab utama penyakit yang berkaitan dengan merokok tetapi tar yang terdapat di dalam asap rokoklah yang merupakan punca penyakit.

Kerajaan tidak sepatutnya menerima maklumat salah yang didorong oleh industri dan penyokongnya untuk mempengaruhi keputusan mengenai langkah kawalan tembakau.

Sebaliknya, kerajaan perlu bergantung pada bukti dan fakta yang menunjukkan bahawa vape adalah punca kerosakan teruk kepada saluran darah, paru kepada paru-paru yang kekal, kabus otak dan sakit kepala selain 1.3 kali lebih berisiko penyakit pernafasan.

Di samping itu, kerajaan perlu mengekalkan zon merokok sedia ada yang berkuat kuasa sejak 2019 dengan perokok mesti berada sekurang-kurangnya 3 meter dari restoran, gerai jalanan dan sebagainya.

NV SUBBAROW

Pegawai Pendidikan Kanan
Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP)

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

6 Nation

AT THE
DEWAN RAKYAT

Reports by TARRENCE TAN, RAGANANTHINI

Ramping up HPV vax drive

Govt to boost effort for students amid pandemic disruption

HUMAN papillomavirus (HPV) vaccination will be stepped up this year to address the disruption of immunisation coverage during the Covid-19 pandemic, says Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad.

In a written parliamentary reply, Dzulkefly said while the immunisation coverage had exceeded 95% up to 2020, there was a temporary disruption in 2021 because of Covid-19.

"This has directly impacted the HPV immunisation of Form 1 students from the 2021 to the 2024 cohorts," he said.

"Throughout the last five years, a total of 208,500 (98.3%) Form 1 female students for the 2019 cohort, 209,279 (96.7%) for the 2020 cohort and 113,708 (52.3%) for the 2021 cohort have received the complete HPV immunisation doses," he said.

However, he said none of the Form 1 students from the 2022 and 2023 cohorts had received their shots as the vaccine was unavailable.

To ensure no Form 1 student is left out of the HPV vaccination drive, those who were left behind will be covered in 2024 so that

they will be immunised by the time they complete schooling.

Dzulkefly said the Health Ministry had received 50,000 doses of HPV in January.

This vaccine will be administered to the students from the 2021 cohorts.

The National Cancer Society of Malaysia previously projected that some 500,000 teenage girls could have missed their HPV vaccination from 2020 to 2022.

This was attributed to the closure of schools during the pandemic and the diversion of funds to Covid-19 programmes.

In 2018, the World Health Organisation made a global call for action to eliminate cervical cancer.

To eliminate it, all countries must reach and maintain an incidence rate of below four per 100,000 women.

By 2030, each country must fully vaccinate 90% of girls with the vaccine by the age of 15, screen 70% of women using a high-performance test by the age of 35, and again by the age of 45 and treat 90% of women with pre-cancer and women with invasive cancer.

AKHBAR : THE SUN
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : SPEAK UP

LETTERS letters@thesundaily.com

Proposal for designated smoking areas lauded

RECENTLY, the Health Ministry announced that it is considering the introduction of designated smoking areas for eateries in tight locations. This is commendable and should be put into immediate action.

Allocating specific spaces for smokers not only in eateries but also in public areas serves to shield individuals from the harmful effects of secondhand smoke.

Designated smoking areas play a crucial role in deterring non-smokers, especially minors, from adopting the hazardous habit.

By segregating smoking zones from public view, these areas discourage young individuals from being exposed to smoking behaviours, potentially curbing the initiation of smoking among impressionable minds.

Drawing from the Japanese government's successful model that strictly bans smoking in schools, hospitals and government buildings, Malaysia can adopt similar measures.

Implementing fines for smoking outside designated areas, as seen in Japan, could serve as a deterrent and

reinforce adherence to smoking regulations.

People under the age of 20 are prohibited from these designated smoking areas. A fine of up to ¥300,000 (RM9,400) is imposed on people who smoke outside the designated area.

The government in April 2020 also imposed a ban on indoor smoking, including at places such as hotels, restaurants and offices.

During my recent trip to Tokyo, I noticed that although smoking is strictly prohibited in restaurants, some establishments provided designated smoking rooms. People are not allowed to eat and drink in such smoking areas.

Additionally, there are separate designated smoking rooms exclusively for heated tobacco users, such as Ploom, IQOS and Glo, where customers can sit and dine. Access to these designated areas is restricted to adults, and individuals using tobacco products other than heated tobacco are not permitted entry.

Heated tobacco products have gained popularity among the public in



Designated smoking areas play a crucial role in deterring non-smokers, especially minors, from adopting the hazardous habit. - SUNPIC

Japan due to their perceived advantages. They are promoted for their purported ability to produce minimal secondhand smoke and have a reduced impact on the health of those in proximity to the user.

The Japanese approach to tobacco sales, requiring a "tobacco passport" or "taspo" to verify the legal smoking age, presents an effective method to regulate access to cigarettes, whether through vending machines or convenience shops.

Taspo is only available to those

aged 20 and above. This showcases meticulous measures taken by the Japanese government to prevent underage smoking.

I also observed firsthand the effectiveness of Japan's regulations in curbing smoking among minors and promoting public health.

The Malaysian health minister would do well to consider emulating these comprehensive strategies to combat smoking and vaping initiation while safeguarding the well-being of the public.

The proposal for designated smoking areas in Malaysia represents a progressive approach towards addressing the complexities of smoking and vaping regulation.

By drawing inspiration from successful international models, Malaysia can strengthen its efforts to promote a smoke-free environment and protect the health of its citizens.

Muhammad Aqil Lokman
Setia Wangsa